

Soalan 1 – 3

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Banyak orang berkelah di _____ pantai itu pada hujung minggu kerana pantainya bersih dan udaranya nyaman.
A tepi
B antara
C tengah
D hujung
- 2 Ratu Terjun Negara, Cheong Jun Hoong dinobatkan sebagai _____ Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2017.
A olahragawan
B olahragawati
C mahasiswa
D karyawan
- 3 Pemain yang _____ taraf cemerlang dalam bidang sukan tertentu dapat menjadikan sukan sebagai kerjaya dan meraih pendapatan lumayan.
A capaian
B tercapai
C mencapai
D pencapaian

Soalan 4 – 5

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 4 Rakyat akan sihat bila aktiviti sukan dijadikan amalan.
A bila dijadikan aktiviti sukan sebagai amalan
B apabila aktiviti sukan dijadikan amalan
C apabila menjadi amalan aktiviti sukan
D bila aktiviti sukan dijadikan amalan

- 5 Aktiviti senamrobik dapat mempertingkatkan lagi kecekapan sistem peredaran darah.
A dapat mempertingkatkan kecekapan lagi
B dapat meningkatkan kecekapan
C dapat meningkat kecekapan
D dapat mempertingkatkan lagi kecekapan

Soalan 6 – 8

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 6 Sukan merupakan saluran yang paling berkesan sekali untuk menyatukan rakyat pelbagai kaum di Malaysia. Tiada kesalahan.
A
B
C
D
- 7 Hari Sukan Negara diadakan untuk menggalakkan rakyat supaya agar sentiasa bersukan. Tiada kesalahan.
A
B
C
D
- 8 Pelbagai manfaat dapat kita peroleh dari aktiviti riadah yang dilakukan bersama-sama ahli keluarga. Tiada kesalahan.
A
B
C
D

**Ulasan
Jawapan PT3 2019**

Sistem Bahasa Bahagian A – Soalan 12 Jawapan yang tepat ialah D: II, III dan IV sahaja. Dalam ayat I, kata kerja transitif aktif *membezakan* mesti diikuti oleh objek.